



NAIB Canselor UPM Prof Datuk Mohd Fauzi Ramlan (lima dari kiri) dan Pengerusi Jawatankuasa Konvokesyen Ke-16 Datuk Norayini Ali (dua dari kiri) beramah mesra dengan beberapa graduan cemerlang.

# Tebus kecewa gagal ke IPTA

■ Pelajar raih anugerah cemerlang hasil usaha tanpa putus asa

Oleh Siti Fatimah Hassan  
sfhassan@hmetro.com.my  
**Serdang**

**“W**alaupun tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA), ia tidak bermakna kita tidak boleh mencapai kejayaan kerana peluang untuk belajar itu luas,” kata Nazatul Shima Mazelan, 24, dari Muar Johor.

Dia menerima Anugerah Graduan Cemerlang Akademik (peringkat sarjana muda) dalam jurusan perniagaan Kolej Universiti Shahputra

sempena Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM)-IPTS Ke-16, di sini, semalam.

Anak sulung daripada empat beradik itu berkata, pada mulanya dia agak kecewa

dengan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang menyebabkan dia tidak ditawarkan ke IPTA.

Bagaimanapun katanya, ia menjadi motivasi serta mem-bakar se-

mangatnya untuk terus belajar dengan melanjutkan pelajaran ke IPTS pilihan ibu bapanya.

“Keputusan SPM saya bukanlah tidak begitu bagus, tetapi kecewa kerana tidak dapat meneruskan pengajian ke IPTA.

“Namun, saya tidak mahu terus berputus asa kerana percaya peluang belajar sentiasa ada.

“Disebabkan itu, saya mahu menebus kegagalan itu dengan berusaha lebih gigih dan gembira ia terhasil selepas menerima anugerah ini,” katanya

Pada majlis itu, 314 graduan daripada tujuh IPTS menerima diploma, sarjana muda dan sarjana masing-masing membabitkan Kolej UNITI, Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kolej Teknologi Timor, Kolej RISDA, Kolej Universiti Shahputra, Kolej Universiti Bestari dan Putra Business School.

**“Saya tidak mahu terus putus asa kerana percaya peluang belajar sentiasa ada”**

Nazatul Shima  
Mazelan